

11 MAR 2003  
Merdeka-Kad/I  
KAD MERDEKA DIJUAL BUAT PERTAMA KALI

IPOH, 11 Mac (Bernama) -- Kad Hari Raya atau Tahun Baru Cina adalah benda biasa, tetapi kad sambutan Hari Merdeka merupakan kali pertama akan diperkenalkan di negara ini tahun ini apabila negara menyambut Hari Kebangsaan ke-46.

Mempunyai sembilan corak, kad itu yang mungkin juga yang pertama seumpamanya di dunia, direka oleh sekumpulan pekerja "tcenter", di Desa Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pengurus Kandungan projek itu, S.K. Devamany berkata mereka memilih untuk mencetak kad Hari Merdeka itu bagi membolehkan seluruh negara merasa, merayakan dan berbangga dengan pencapaian Malaysia sejak merdeka pada 1957.

"Kami mahu seluruh negara, tanpa mengira umur, bangsa atau kebudayaan mereka untuk merayakannya. Tidak seperti kad biasa, kad ini akan bercakap dalam satu bahasa, satu bangsa dan satu negara," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata kad itu juga bagi mengenang jasa pemimpin lama dan sekarang selain memberi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara pada Oktober ini.

Devamany, seorang Anggota Majlis Bandaraya Ipoh dan bekas Ketua Pemuda MIC Perak berkata pelbagai reka bentuk pada kad itu mencerminkan pelbagai kaum, pelbagai kebudayaan, kemajuan dan pencapaian negara sejak merdeka.

"Adalah penting untuk menyemai golongan muda dengan semangat kecintaan terhadap negara dan kita perlu memulihara kemerdekaan. Ia merupakan pembelajaran dari sejarah itu sendiri," katanya.

Katanya reka bentuk pertama menggambarkan bahagian sejarah, menunjukkan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Reka bentuk yang lain dicipta untuk menggambarkan sumbangan pemimpin, bermula dengan Tunku (1957-1970), Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussein Onn (1976-1981) dan Dr Mahathir.

Devamany berkata tiga reka bentuk dikhaskan untuk Dr Mahathir di atas wawasannya, peranan beliau dalam membentuk negara menjadi sebuah negara yang pesat membangun dan meletakkan negara di peta dunia.

"Kita juga mempunyai kad mengenai Jalur Gemilang untuk menunjukkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara menerusi bendera kebangsaan. Ini penting kerana bendera merupakan simbol kedaulatan," katanya.

Kad lain menggambarkan kejayaan negara, termasuk Menara Berkembar Petronas dan perpaduan yang menyatukan pelbagai kaum.

Kad-kad itu juga mengandungi puisi termasuk yang dicipta oleh Dr Mahathir, Usman Awang dan A. Samad Said.

Devamany berkata kad akan mula dijual mulai 21 Mac selepas pelancaran Portal Teleworking di Desa Tun Razak oleh Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

"Kita boleh menghantar kad ini kepada rakan, pelanggan, ketua masyarakat dan sesiapa saja di seberang laut. Kad ini juga merupakan bahan koleksi," katanya.

Beliau berkata keuntungan daripada jualan kad itu akan disalurkan kepada projek berkenaan yang dimulakan Jun tahun lepas yang bertujuan membantu suri rumah, ibu tunggal, belia menganggur dan pesara dalam menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta pengetahuan untuk menambah pendapatan menerusi telebekerja.

-- BERNAMA  
AR HM

